



28 Disember 2017  
28 December 2017  
P.U. (A) 431

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH JALAN-JALAN PERSEKUTUAN (PENGURUSAN PERSENDIRIAN) (PUNGUTAN TOL) (TAMBAK JOHOR-LEBUH RAYA JOHOR BAHRU-TAMPOI) (PINDAAN) 2017

### *FEDERAL ROADS (PRIVATE MANAGEMENT) (COLLECTION OF TOLLS) (JOHOR CAUSEWAY-JOHOR BAHRU-TAMPOI HIGHWAY (AMENDMENT) ORDER 2017*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

**AKTA JALAN-JALAN PERSEKUTUAN (PENGURUSAN PERSENDIRIAN) 1984**

**PERINTAH JALAN-JALAN PERSEKUTUAN (PENGURUSAN PERSENDIRIAN)  
(PUNGUTAN TOL) (TAMBAK JOHOR-LEBUH RAYA JOHOR BAHRU-TAMPOI)  
(PINDAAN) 2017**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 2 Akta Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) 1984 [Akta 306], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) (Pungutan Tol) (Tambak Johor-Lebuhr Raya Johor Bahru-Tampoi) (Pindaan) 2017.**  
  
(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2018.

**Pindaan perenggan 3**

2. Perintah Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) (Pungutan Tol) (Tambak Johor-Lebuhr Raya Johor Bahru-Tampoi) 1989 [P.U. (A) 14/1989], yang disebut “Perintah ibu” dalam Perintah ini, dipinda dalam subperenggan 3(1) dengan menggantikan perkataan “Plaza Tol Bukit Chagar di dalam Kompleks Kastam Imigresen dan Kuarantin” dengan perkataan “Pusat Pungutan Tol Masuk di dalam Kompleks Kastam Imigresen dan Kuarantin yang dikenali sebagai Bangunan Sultan Iskandar”.

**Pindaan Jadual Pertama**

3. Jadual Pertama kepada Perintah ibu dipinda dalam tajuk dengan menggantikan perkataan “31 DISEMBER 2017” dengan perkataan “31 DISEMBER 2018”.

**Penggantian Jadual Kedua**

4. Perintah ibu dipinda dengan menggantikan Jadual Kedua dengan Jadual yang berikut:

"JADUAL KEDUA  
[Subperenggan 2(2)]

PETA TAMBAK JOHOR-LEBUH RAYA JOHOR BAHRU-TAMPOI

